

D.R. 1/2007

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk raeminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk **ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 34B

2. Akta Kualiti Alam Sekeiiling 1974 [*Akta 127*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 34B dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

"(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit."

Pindaan seksyen 43

3. Seksyen 43 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "pengarah," perkataan "ketua pegawai eksekutif,".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ("Akta 127").

2. *Fasal III* Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 34B(4) Akta 127 bagi memperuntukkan hukuman pemenjaraan mandatori dan denda bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen ini.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 43(1) Akta 127 untuk memasukkan ketua pegawai eksekutif sebagai salah seorang yang bertanggungjawab bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

IMPUKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tarabahan.

[PN(U²)2540]